

KOPERASI MCIS BERHAD

LAPORAN TAHUNAN 2023

KOPERASI MCIS BERHAD

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

www.kopmcis.com

VISION

To become the Top-Notch / Level umbrella cooperative, providing excellent social and financial services to members.

MISSION

- To improve social economic and welfare of fellow cooperative and members by consistently giving better return and service.
- To achieve the highest level of professionalism and credibility, being at the forefront of the cooperative movement in Malaysia.
- To be a strong financial provider to needy cooperative.
- To facilitate and educate members in cooperative knowledge.
- To increase the level of participation in community service programme.
- Create a strong team work relationship among the cooperative members.
- To provide insurance scheme to eligible members at preferential rate.
- To improve the skill, efficiency of board members in seeking viable business opportunities for the best returns



KOPERASI MCIS BERHAD

NEGERI / *STATE :*
WILAYAH PERSEKUTUAN

KEANGGOTAAN
MEMBERSHIP :
6,275

SYER DAN YURAN
SHARE AND SUBSCRIPTIONS :
RM72,585,000

KUMPULAN WANG ANGGOTA
SHAREHOLDER'S FUND :
RM171,783,000

JUMLAH ASET
TOTAL ASSET :
KOPERASI
CO-OPERATIVES
RM331,404,000
KUMPULAN
GROUP
RM331,266,000

PENDAPATAN
INCOME :
KOPERASI
CO-OPERATIVES
RM21,635,000
KUMPULAN
GROUP
RM21,637,000

AKTIVITI UTAMA
ACTIVITIES :
PELABURAN
INVESTMENT

11



ATURCARA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 61
17hb OGOS 2024/SABTU
9.00 PAGI

Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya
No. 12, Lorong Utara A, Off Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

MASA	PERKARA
7.30 pagi – 9.00 pagi	- Pendaftaran Perwakilan - Sarapan Pagi - Perwakilan mengambil tempat
9.00 pagi – 9.15 pagi	- Ucapan Aluan oleh Setiausaha Koperasi, Dr Letchumanan A/L Amaippen
9.15 pagi	- Ucapan Perasmian oleh Yang Berhormat Dr. Gunarajah R.George, Pengerusi Koperasi MCIS Bhd - Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 61 dimulakan - Agenda Mesyuarat Agung, rujuk notis yang telah diedar - Mesyuarat Selesai - Bersurai

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT	ISI KANDUNGAN
i - ii	Maklumat Koperasi
1 – 2	Perutusan Pengerusi
3	Anggota Lembaga Koperasi (Gambar)
4	Kakitangan Koperasi (Gambar)
5 – 8	Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-61
9 – 16	Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan
17 – 48	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 60 ➢ Ucapan Pengerusi - Lampiran 1 ➢ Senarai Kehadiran – Lampiran A1, A2 & A3
49 – 53	Aktiviti Koperasi – 2023 (Galeri Gambar)
54 – 57	Laporan Lembaga Bagi Tahun 2023
58 - 59	Laporan Berkanun Anggota Lembaga Bagi Tahun 2023
60 – 61	Laporan Jawatankuasa Audit dalaman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
62 – 64	Laporan Juruaudit Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
65 – 66	Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2023
67	Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
68	Penyata Pendapatan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
69 – 70	Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
71 – 96	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
97	Anggaran Belanjawan 2024 Dan 2025

MAKLUMAT KOPERASI

PENGERUSI
YB Dr Gunarajah R.George

TIMBALAN PENGERUSI
Balasupramaniam Ramanaidu

SETIAUSAHA
Dr Letchumanan Amaippen

BENDAHARI
Venkatasal Rao Nookaiah

ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA
Thankarajoo Subramaniam
Papiyah Rajamian
Dato' Shashi Kumar Palaniyappan
Sri Ram Mookiah
Mas'ud Husain

JAWATANKUASA KERJA (EXCO)
YB Dr Gunarajah R.George
Balasupramaniam Ramanaidu
Dr Letchumanan Amaippen
Venkatasal Rao Nookaiah
Thankarajoo Subramaniam

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
Datuk Goh Ah Ling
Brig Jen Ts Hamidi Achin
Balasundaram Kumarasamy
Lachumanam Govindan

JURUAUDIT LUAR
Bahagian Audit Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan Off Jalan Semantan
Bukit Damansara. 50490 Kuala Lumpur

PANEL PEGUAM

ABU TALIB SHAHROM
No. 39-43, Jalan Desa
Taman Desa, Off Jalan Kelang Lama
58100 Kuala Lumpur

Kasthuri Basir Shah & Patners
Peguambela & Peguamcara
Suite 9-3, Level 9, Menara Sentral Vista
No. 150, Jalan Sultan Abdul Samad
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

BANK-BANK

RHB Bank Berhad
CIMB Bank Berhad
Public Bank Berhad
MBSB Bank Berhad
Maybank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Amanah Raya Berhad

TARIKH PENDAFTARAN/ BIL DAFTAR

2hb Ogos 1954/2144

ALAMAT BERDAFTAR

Koperasi MCIS Berhad
Tingkat Mezzanine, Tower 1
Wisma MCIS, Jalan Barat
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Email : koperasi.mcis@gmail.com
No. Telepon : 03-79546414, 03-79561158
No. Faksimili : 03-79582632

PERUTUSAN PENGERUSI



Salam Sejahtera dan Salam Hormat


Terima kasih saya ucapkan kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan dalam Laporan Tahunan 2023. Pencapaian tahun 2023 seiring dengan rangka pelan strategik yang telah diatur oleh Lembaga Koperasi masih mengekalkan prestasi yang baik dan kukuh.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, Syabas dan Tahniah kepada barisan Anggota Lembaga, Anggota Jawatankuasa yang dilantik, Pengurusan dan warga kerja Koperasi yang terlibat dalam mengurus dan mentadbir Koperasi MCIS Berhad sehingga Koperasi mendapat pengiktirafan/anugerah daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia di atas kejayaan tersenarai menduduki tempat ke 11 Profil Koperasi terbaik Malaysia 2023. Sokongan padu semua anggota dan Koperasi anggota turut memainkan peranan yang besar dalam memajukan Koperasi MCIS Berhad, jutaan terima kasih juga diucapkan.

Lanjutan daripada keupayaan mengekalkan prestasi, Lembaga telah bersetuju mencadangkan pembayaran dividen pada kadar 5% atas modal syer tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Selain itu, pelan strategik yang dirangka telah berjaya menyelesaikan sebahagian tanggungannya sekaligus membangkitkan semangat untuk terus melaksanakan amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi, walaupun Koperasi berhadapan dengan persekitaran yang mencabar.

Untuk terus maju kehadapan, Koperasi MCIS Berhad yang diterajui oleh kepimpinan dan tadbir urus yang baik serta bertanggungjawab akan memastikan Lembaga yang telah diberi amanah terus melaksana kawal selia, merangka dan merancang pelan strategik serta menentukan hala tuju terutama perniagaan sedia ada dan perniagaan yang akan diceburi pada masa akan datang demi menjaga kepentingan anggota-anggotanya dan koperasi amnya.

Akhir kata saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Datuk Ewon Benedick Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Ramanan Ramakrishnan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B) Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan warga kerja Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai garis panduan yang sentiasa memberi sokongan, bimbingan serta kerjasama kepada Koperasi. Penghargaan juga kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa Kerja/Kecil yang dilantik, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurusan, warga kerja, Koperasi anggota dan anggota-anggota Koperasi MCIS Berhad yang terlibat secara lansung dan tidak langsung.



YB DR GUNARAJAH R.GEORGE
Pengerusi

ANGGOTA LEMBAGA TAHUN 2023-2024



Pengerusi
YB. Dr. Gunarajah R. George



Naib Pengerusi
Balasupramaniam Ramanaidu



Setiausaha
Dr Letchumanan Amaippen



Bendahari
Venkatasal Rao Nookaiah



Anggota Exco
Thankarajoo Subramaniam



Anggota Lembaga
Dato' Shashi Kumar Palaniyappan



Anggota Lembaga
Masúd Husain



Anggota Lembaga
Sri Ram Mookiah



Anggota Lembaga
Papiyah Rajamian

KAKITANGAN KOPERASI MCIS BERHAD

2023 - 2024



Duduk Dari Kiri :

Puan Rosmah Asnawi (Pengurus Sekretariat), Encik Manimaran Krishnan (Penolong Pengurus Besar), Puan Thilaga Pariasamy (Pengurus Akaun/ Operasi)

Berdiri Dari Kiri :

Ambika Devi, Naquib Masror, Paul Jeyaraj, Param Jothi Selvathurai, Selvarajoo Palaniandy, Ugenthiran Silver Rajoo, Muruganandam Mari, Haslin Abd Ghani

KOPERASI MCIS BERHAD
(2144)

Perwakilan Koperasi Anggota dan Perwakilan Anggota Individu
Koperasi MCIS Berhad

NOTIS Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 61 Koperasi MCIS Berhad seperti berikut :-

Tarikh/Hari	:	**17hb Ogos 2024/Sabtu**
Masa	:	**9.00 pagi**
Tempat	:	**Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya, No. 12, Lorong Utara A, Off Jalan Utara 46200 Petaling Jaya, Selangor Darui Ehsan.**

AGENDA

1. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 61

2. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 60 yang telah diadakan pada 30 September 2023

3. Menerima dan meluluskan Laporan Akaun Teraudit Koperasi dan subsidiari-subsidiari Koperasi MCIS Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.

4. Menerima dan meluluskan :-
   i. Laporan Berkanun Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023
      a) cadangan bayaran dividen pada kadar 5%
      b) cadangan bayaran honorarium Lembaga tertakluk kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
   ii. Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

5. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga, dua (2) orang Anggota Lembaga dikalangan Perwakilan Koperasi dan satu (1) orang Anggota Lembaga di kalangan Perwakilan Individu untuk tempoh tiga (3) tahun. Anggota Lembaga yang bersara mengikut giliran adalah seperti berikut :-
   i. En. Papiyah Rajamian (Perwakilan Koperasi)
   ii. En. Sri Ram Mookiah (Perwakilan Koperasi)
   iii. En. Balasupramaniam Ramanaidu (Perwakilan Individu)

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

6. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan Koperasi seperti diperuntukkan dibawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993 kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Lima Ratus Juta Sahaja (RM500,000,000.00) dan menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Lima Ratus Juta Sahaja (RM500,000,000.00) dengan kadar faedah semasa dipasaran.

7. . Meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) dan tidak lebih daripada empat (4) firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

8. Menimbang dan meluluskan kajian semula anggaran belanjawan bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 dan menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

9. Menerima dan Meluluskan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi MCIS Berhad (Lampiran)

10. Menerima dan meluluskan cadangan penjualan saham sebanyak sepuluh (10) juta unit pelaburan Koperasi dalam MCIS Insurance Berhad sekiranya tawaran dikeluarkan

11. Mendengar, membahas dan memutus sebarang usul yang disampaikan kepada Setiausaha Koperasi secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 61.

Dengan Perintah Lembaga
Koperasi MCIS Berhad

A. L. Maman .

DR LETCHUMANAN AMAIPPEN
Setiausaha
Tarikh : 24hb Julai 2024

Sk. Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan

PERHATIAN :

i) **PENJELASAN BERKENAAN LAPORAN DAN AKAUN**
Perwakilan Koperasi Anggota dan Perwakilan Anggota Individu yang ingin mendapatkan sebarang penjelasan berkenaan Laporan dan Akaun adalah diminta menghantarkan soalan-soalan mereka secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat ini diadakan.

ii) **PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**
Sila bawa penyata kewangan berakhir 31 Disember 2023 semasa menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 61

NOTA :
Akta koperasi 43(2) dan (3)

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tertakluk kepada apa-apa arahan atau garis panduan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya sesuatu koperasi hendaklah sebelum pelantikan atau pelantikan semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Setelah penentusahan bahawa orang itu telah memenuhi kriteria layak dan sesuai di bawah subseksyen (2), koperasi boleh melantik atau melantik semula orang itu sebagai anggota Lembaganya

GP 3 : Garis Panduan Pelantikan atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012

UUK 27

(2) Hak untuk mengundi bagi sesuatu anggota adalah tertakluk kepada jumlah syer yang dimiliki dalam koperasi dan hendaklah ditentukan seperti berikut :

(i) bagi setiap lima ribu ringgit syer yang pertama adalah satu undi; dan
(ii) bagi tiap-tiap lima ribu ringgit syer tambahan berikutnya adalah tambahan satu undi yang disyaratkan bahawa sesuatu koperasi tidak boleh mempunyai lebih daripada lima ratus undi

Sila Ambil Perhatian

- Penginapan pada 16/8/2024 adalah disediakan (Borang Pengesahan Penginapan/Kehadiran perlu dijawap segera)

Cadangan – Pindaan UUK 58 (Tambahan)

- Untuk makluman cadangan ini telah dibawa ke mesyuarat agung kawasan yang telah diadakan mengikut jadualnya. Secara keseluruhan semua perwakilan bersetuju pindaan dilaksanakan.

UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN SEBAHAGIAN
KOPERASI MCIS BERHAD

BIL	UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN (Tambahan)	Justifikasi
1	**Yuran** **58** Yuran bulanan seseorang anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh ringgit (RM30.00) sebulan. Seseorang anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan	**Yuran** **58** Yuran bulanan seseorang anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh ringgit (RM30.00) sebulan. Seseorang anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan **(a) Seseorang anggota dalam koperasi ini boleh memohon untuk modal yuran dikeluarkan pada bila-bila masa**	i) Yuran adalah tanggungan dan akan meningkat untuk bayaran dividen ii) Pemulangan yuran membantu anggota-anggota yang memerlukan iii) Tiada ketetapan yuran wajib dipotong oleh seseorang anggota iv) Bayaran yuran hanya terpakai kepada anggota yang membuat pinjaman (kredit)

PERINTAH TETAP MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI MCIS BERHAD

1. Perhimpunan

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi.

4. Perkara-Perkara Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat. Semua perkara yang tercatat dalam Agenda Mesyuarat hendaklah diutamakan lebih daripada perkara-perkara yang lain.

5. Korum

Korum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit Mesyuarat Agung yang lalu akan diedarkan dan dibaca untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat dan ditandatangani oleh Pengerusi, ahli-ahli boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan sama sekali.

7. Setiausaha Mesyuarat

Mesyuarat Agung boleh melantik seorang Setiausaha untuk mencatat perjalanan mesyuarat dan hendaklah menyerahkan Minit Mesyuarat itu kepada Setiausaha Koperasi ini dalam tempoh dua minggu dari tarikh Mesyuarat Agung diadakan.

8. Hak-hak Perwakilan

Perwakilan yang sah dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan, sokongan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam Agenda Mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

9.1 Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah Minit Mesyuarat Agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor " Telah diterima dan diluluskan".

9.2 Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan dari lain-lain perkara. Sesuatu syor hendaklah dibuat terhadap mana-mana bilangan dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi. Syor seperti ini hendaklah mengenai perkara yang tidak boleh diterima atau sebarang ketinggalan yang mendukacitakan.

10. Tertib Bercakap

10.1 Perwakilan yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila dipanggil oleh Pengerusi hendaklah ia berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Apabila lebih dari seorang bangun untuk bercakap, perwakilan terdahulu bangun diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, keputusan terletak pada Pengerusi.

10.2 Perwakilan tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Tetapi sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul, seseorang perwakilan, sungguhpun telah bercakap semasa perbincangan usul asal, boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.

10.3 Seseorang perwakilan tidak boleh mengganggu perwakilan yang sedang bercakap kecuali :-

a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu perwakilan yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkan buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau

b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh perwakilan yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat

perwakilan yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan perwakilan yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

10.4 Jika seseorang perwakilan mengganggu perwakilan lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan engkar mematuhi arahan Pengerusi apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi.

10.5 Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, perwakilan yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain perwakilan tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Perwakilan yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi. Tambahan masa yang diberikan hendaklah tidak melebihi dua minit.

12. Isi-isi Ucapan

12.1 Perwakilan hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

12.2 Perkara-perkara yang dalam timbangan mahkamah tidak boleh disebut

12.3 Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh ditimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

12.4 Seseorang perwakilan tidak boleh menggunakan bahasa biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap perwakilan lain.

12.5 Nama, kelakuan dan sifat Ke Bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Mesyuarat.

12.6 Seseorang perwakilan yang bercakap tidak boleh menggunakan :-

a) perkataan-perkataan derhaka pada negeri;
b) perkataan-perkataan yang membangkitkn perasaan melawan kuasa kerajaan, dan

c) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.

12.7 Jika pada timbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu perkara dikemukakan kepada mesyuarat, seorang perwakilan boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak menyalahi dari segi mana-mana peraturan, maka perkara itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang (bahas) walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (motion)

14.1 Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara akan dikenali sebagai "Usul Asal" dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai "Pindaan".

14.2 Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

14.3 Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam Agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan.

14.4 Seseorang perwakilan yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung. Tetapi disyaratkan pindaan itu pada timbangan Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

14.5 Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya telah dimasukkan dalam Agenda, Pengerusi, apabila sampai masanya, hendaklah mengisytiharkan dalam Mesyuarat Agung bahawa usul tersebut itu telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

15.1 Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

5.2 Seseorang perwakilan tidak boleh mencadang atau menyokong lebih dari sekali. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada peraturan 18 Perintah Tetap ini.

17. Hak Menjawab

17.1 Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat ia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan keputusan majoriti perwakilan.

17.2 Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada pembawa pindaan.

18. Pengundian

18.1 Semua perkara hendaklah diputuskan secara kolektif dan bersama oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu.

18.2 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi secara menyeluruh (across-the-board voting / combined voting) oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu secara angkat tangan melainkan satu pungutan undi (poll) diminta oleh mana-mana proksi koperasi anggota sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan angkat tangan. Jika undi sama banyak, maka perkara yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah dan Pengerusi Mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

18.3 Pemilihan anggota-anggota Lembaga hendaklah juga diputuskan oleh perwakilan Koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu secara kolektif dan bersama dengan majoriti mudah undi secara menyeluruh (across-

the-board voting / combined voting) oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu. Perwakilan Koperasi anggota, di samping mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan koperasi anggota, boleh juga mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan anggota-anggota individu dan pada masa yang sama perwakilan anggota-anggota individu, di samping mengundi untuk calon-calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan anggota-anggota individu, boleh juga mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan Koperasi anggota.

18.4 Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri.

18.5 Hak dan bilangan undi perwakilan Koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi.

18.6 Satu Jawatankuasa Pemerhati seramai tiga (3) orang dan lima (5) orang pengira undi hendaklah dilantik dari kalangan perwakilan yang hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

19. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa Mesyuarat sedang berjalan :-

a) perwakilan hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau meminta diri daripada Dewan dengan tertib adab ;
b) seseorang perwakilan tidak boleh melintas ruangan tengah Dewan tanpa apa-apa urusan ;
c) perwakilan tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali risalah yang ada kena mengena dengan perkara yang dibahaskan;
d) masa seseorang perwakilan bercakap, perwakilan lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

20. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

20.1 Bila perwakilan ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana perwakilan yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.

20.2 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya Perintah Tetap Mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

20.3 Pengerusi, setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseoarang perwakilan yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan ia berhenti bercakap.

20.4 Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana perwakilan yang berkelakuan tidak senonoh (biadab) keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.

20.5 Perwakilan yang diperintah keluar menurut 21.4, dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

20.6 Sesuatu perkara yang berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive), maka perkara itu hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan keputusan majoriti perwakilan.

20.7 Jika Mesyuarat Agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan pleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip keadilan sejagat (natural justice) hendaklah dipakai.

20.8 Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pada pandangannya didapati wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

21. Penggantungan Mana-mana Peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan

Mana-mana peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwaklan ini boleh diketepikan atas cadangan mana-mana perwakilan berhubung dengan mana-mana perkara khas mengenai kelicinan pengendalian mesyuarat dengan syarat cadangan itu hendaklah dipersetujui dengan kelebihan undi dua pertiga (2/3)

22. Kuasa Pembatalan

Lembaga dari masa kesemasa boleh mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Agung bagi membatalkan atau meminda mana-mana peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan ini.

Diakui Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan **Koperasi MCIS Berhad** dibentang, dibincang dan diterima dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 37 **Koperasi MCIS Berhad** yang diadakan pada 25 Mac 2000 dan perintah Tetap ini hendaklah digunapakai pada 25 Mac 2000 dan hendaklah dipatuhi oleh semua Mesyuarat Agung Perwakilan **Koperasi MCIS Berhad**.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA KOPERASI MCIS BERHAD

Gunapakai Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi MCIS Berhad berkuatkuasa pada 25 Mac 2000 dan seterusnya.

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60
KOPERASI MCIS BERHAD

TARIKH/HARI : 30hb September 2023/SABTU

MASA : 10.00 pagi

TEMPAT : Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya
No. 12, Lorong Utara A, Off Jalan Utara
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

HADIR : (a) YB DR GUNARAJAH R.GEORGE (Pengerusi),
8 orang Anggota Lembaga dan 4 orang Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi (Lampiran A1)*

(b) 72 perwakilan Koperasi Anggota (Lampiran A2)

(c) 29 perwakilan Anggota Individu (Lampiran A3)

TURUT HADIR : (a) Encik K.Manimaran Krishnan - Penolong Pengurus Besar

(b) Puan Thilaga Pariasamy - Pengurus Operasi/Akaun

(c) Puan Rosmah binti Asnawi - Pencatat Minit

(d) Puan Kasthuri Krishnan - Peguam Panel Koperasi
Kasthuri Basir Shah & Patners

---

* ***Kehadiran Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti tercatat di Lampiran A1.***
* ***Kehadiran kategori perwakilan Koperasi Anggota (Lampiran A2)***
* ***Kehadiran kategori perwakilan Anggota Individu (Lampiran A3)***

UCAPAN PENGERUSI (Lampiran 1)

Pengerusi mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan Koperasi MCIS Bhd dan barisan Lembaga, Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Timbalan Pengerusi), En. Mas'ud Husain (Setiausaha), En. Venkatasal Rao Nookaiah (Bendahari) dan Anggota-Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad. Untuk makluman tiada wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

PENGESAHAN KOURUM MESYUARAT

Mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 60 mengesahkan korum mesyuarat mencukupi. Proksi Koperasi seramai 72 wakil dengan jumlah undi 4916 dan individu 29 orang dengan jumlah undi 29, jumlah keseluruhan 101 wakil dan 4945 undi.

AGENDA 1
MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60.

1.1 Pengerusi telah mendapat cadangan daripada perwakilan dan keputusannya perwakilan telah melantik nama-nama yang berikut seramai enam (6) orang perwakilan dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Penentusahan deraf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 60;

(i) En. Kanakaraj Subramaniam, Perwakilan Individu
(ii) En. Kamalanathan R.Ramanathan, Perwakilan Individu
(iii) En. Chellandy a/l C.Letchumanan, Proksi Koperasi Runcas Malaysia Berhad
(iv) En. Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillai, Proksi Koperasi Guru-Guru Kerajaan Berhad
(v) Tn. Hj. M.Nasir Ramli, Proksi Koperasi Pasaraya Malaysia Berhad
(vi) En. Kesavan a/l Saundarajoo Naidu, Perwakilan Individu

1.2 Mesyuarat menyerahkan kepada Pengerusi Koperasi bagi pelantikan tiga (3) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa Penentusahan Deraf Minit.

1.3 Mesyuarat menerima dan bersetuju dengan sebulat suara perlantikan semua Anggota Jawatankuasa Penentusah Deraf Minit, di atas.
Cadangan : En. Mariappan a/l Semalai, Proksi Kesatuan Koperasi Midlands Berhad
Sokongan : En. Kumar a/l Ragavan, Perwakilan Individu

AGENDA 2
MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 59 YANG TELAH DIADAKAN PADA 03^{hb} SEPTEMBER 2022

2.1 Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 59 seperti yang tercatat dari muka surat 16 hingga 30 untuk mendapatkan pengesahan daripada perwakilan.

2.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Koperasi telah menerima surat aduan dari Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad berhubung agenda 3 – 'Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga Kalangan Koperasi Anggota ...' catatan minit mesyuarat, keputusan En. Venkatasal Rao Nookaiah dipilih sebagai Anggota Lembaga dengan mendapat 2469 undi untuk tempoh

satu (1) tahun adalah dibantah oleh Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad dan bertegas En. Venkatasal Rao Nookaiah layak memegang jawatan untuk tempoh tiga (3) tahun.

2.3 Pengerusi memaklumkan terdapat kesilapan dalam agenda tersebut yang mana tidak dicatatkan tempoh memegang jawatan bagi tiga (3) calon Anggota Lembaga yang bertanding dan dalam mesyuarat tersebut juga tidak membincangkan dua (2) Anggota Lembaga yang mendapat undi tertinggi dipilih untuk tempoh tiga (3) tahun dan calon undi rendah dipilih untuk tempoh satu (1) tahun. Undang-undang Kecil (UUK) Koperasi juga tidak mencatatkan ketetapan perkara tersebut.

2.4 Walau bagaimanapun merujuk kepada catatan dalam minit mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 59 mencatatkan seperti di mukasurat 21 dan 22, para 3.3.1 & 3.3.2 adalah seperti berikut :-

3.3.1 Dengan keputusan ini, Proksi Koperasi yang berjaya dipilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad untuk tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:-

i. En. Mas'ud Husain (Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad) – 4515 undi
ii. Datuk Shashi Kumar Palaniyappan (Koperasi Nesa Pelbagai Berhad) – 2824 undi

3.3.2 Proksi Koperasi yang berjaya dipilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad untuk tempoh satu (1) tahun akan datang adalah seperti berikut :-

i. En. Venkatasal Rao Nookaiah (Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad) – 2469 undi

2.5 Pengerusi memaklumkan catatan tersebut adalah berdasarkan kepada kelaziman yang telah dipraktikkan oleh Koperasi MCIS Berhad sejak dulu, tetapi Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad mempertikaikannya dan merasakan keputusan tersebut tidak adil, kerana beliau adalah lantikan semula untuk tempoh tiga (3) tahun.

2.6 Mesyuarat dimaklumkan perkara ini telah dibincang diperingkat Lembaga dan surat kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga telah dihantar bagi mendapat penjelasan berhubung perkara ini. SKM telah menyatakan jawapannya bahawa Koperasi dikehendaki mencari jalan penyelesaian keatas perkara ini dengan mengambil kira tindakan seperti berikut :-

(a) Membincangkan dalam mesyuarat Lembaga terdekat kaedah penyelesaian penggiliran proksi Koperasi;
(b) Membuat penyelesaian dan menyerahkan keputusan di MAPT;
(c) Mengkaji semula UUK Koperasi dengan memperincikan kaedah pengisian kekosongan jawatan bagi proksi Koperasi dan individu

2.7 Pengerusi menyerahkan kepada perwakilan untuk perbincangan dan memaklumkan Lembaga telah berbincang dan terdapat dua kaedah penyelesaian seperti berikut :-

Kaedah 1 - Pengerusi telah menghantar surat kepada SKM dan menyatakan ketiga-tiga Lembaga yang dipilih kekal untuk tempoh tiga (3) tahun dan kaedah tersebut perlu diserahkan kepada Mesyuarat Agung untuk keputusan.

Kaedah 2 - Lembaga telah membuat keputusan kekal kepada catatan minit mesyuarat yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusahan (28/9/2022) dan dibentang dalam mesyuarat Lembaga Koperasi (03/11/2022).

2.8 En. Kamalanathan a/l R.Ramanathan dan En. Kanakaraj a/l Subramaniam, perwakilan individu memilih kaedah 1 dan mengekalkan ketiga-tiga calon yang dipilih tahun lalu kekal untuk tempoh tiga (3) tahun kerana kesilapan tersebut telah berlaku dan tidak adil untuk En. Venkatasal Rao Nookaiah diminta bertanding semula.

2.9 Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad memberi pandangan untuk memperbetulkan kesilapan Koperasi diminta merujuk kepada Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi supaya tidak timbul kesulitan pada masa hadapan.

2.10 Pengerusi menyatakan sekali lagi kesilapan telah berlaku dan tiada dalam UUK menyatakan undi tertinggi kekal tiga (3) tahun dan undi seterusnya satu (1) tahun dan UUK 37 menyatakan 1/3 perlu bertanding, dua (2) daripada Koperasi Anggota dan satu (1) daripada Perwakilan Individu.

2.11 Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad meminta semua menghormati UUK yang telah digubal supaya tidak timbul pemasalahan pada masa hadapan. Sekiranya UUK Koperasi tidak dipatuhi, maka Koperasi MCIS Berhad tidak akan dihormati oleh anggota-anggota Koperasi amnya.

2.12 En. Rameli bin Ibrahim, proksi Koperasi DTC Malaysia Berhad mencadangkan pengundian dijalankan.

2.13 En. Mas'ud Husain, Setiausaha Koperasi memberi pandangan perkara tersebut sebenarnya telah diputuskan diperingkat Lembaga satu pertiga (1/3) perlu bertanding. Dalam UUK 39(1) (2) telah menyatakan secara jelas 'satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut UUK 37 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan', iaitu dua (2) orang daripada Koperasi Anggota dan satu (1) orang daripada perwakilan individu.

2.14 Pengerusi juga memaklumkan bahawa UUK Koperasi perlu diteliti dan mencadangkan satu Jawatankuasa UUK Koperasi dilantik untuk mengkaji semula, menyemak, meminda atau menambahbaik UUK Koperasi selaras dengan Peraturan Koperasi dan Akta Koperasi 1993.

2.15 Tn. Hj M.Nasir Ramli, Proksi Koperasi Pasaraya Malaysia Berhad menyatakan Koperasi perlu mengikut catatan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 59 seperti yang telah diedarkan kepada semua perwakilan iaitu En. Venkatasal Rao Nookaiah perlu bertanding semula.

2.16 En. Mariappan a/l Semalai, proksi Koperasi Kesatuan Koperasi Midlands Berhad memaklumkan dalam UUK Koperasi tidak semua perkara ditulis dengan terperinci.

Memang mengikut kelaziman kebanyakan Koperasi, Anggota Lembaga yang mendapat undi tertinggi akan dipilih untuk tempoh tiga (3) tahun dan calon ketiga akan dipilih untuk tempoh dua (2) atau satu (1) tahun tertakluk kepada kekosongan. Koperasi perlu mematuhi UUK yang menetapkan 1/3 perlu bertanding semula, sekiranya tiga (3) Anggota Lembaga yang dipilih dikekalkan untuk tempoh tiga tahun, maka pada tahun yang sepatutnya mereka gugur akan timbul masalah lain atau menjadi pertikaian. Beliau mencadangkan Anggota Lembaga yang mendapat tempat ketiga bertanding semula supaya tempoh seterusnya kekal hingga tiga (3) tahun dan penggiliran diteruskan mengikut UUK.

2.17 Kol. TS Hamidi Achin, proksi Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad memberi pandangan bahawa Koperasi MCIS Berhad perlu mengikut UUK sedia ada dan sekiranya UUK Koperasi ada kecacatan, maka pindaan keatas UUK hendaklah dilaksanakan pada masa hadapan dan Jawatankuasa meminda UUK perlu dilantik dan semua pindaan perlu dibawa ke mesyuarat agung kawasan terlebih dahulu.

2.18 En. Ganesan Rajamanickam, Proksi Koperasi Maju Jaya Malaysia Berhad memaklumkan bahawa dua kaedah telah dibentangkan, oleh itu beliau bersetuju seperti cadangan sebelum ini supaya pengundian dijalankan.

2.19 En. Venkatasal Rao Nookaiah menarik perhatian perwakilan atas semua cadangan yang dikemukakan dan aduan berkaitan isu dibangkitkan adalah daripada Lembaga Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad dan sebagai Pengerusi Koperasi Visakha dan juga Bendahari Koperasi MCIS Berhad serta bagi menghormati keputusan Lembaga dan menjaga nama baik Koperasi, beliau menyatakan hasrat menarik balik aduan tersebut dan bersedia untuk bertanding semula. Beliau memaklumkan aduan dibuat adalah untuk memperbetulkan kesilapan yang telah berlaku dan sebagai Bendahari yang ada dalam mesyuarat penentusahan juga mengakui kesilapan tersebut dan perlu diperbetulkan.

2.20 Pengerusi memaklumkan tiada pengundian dan mengucapkan terima kasih kepada En. Venkatasal Rao Nookaiah atas penyelesaian isu yang dibangkitkan.

2.21 En. Manickam Ramasamy, proksi Koperasi Perumahan Bahru Ipoh Berhad telah menghantar surat dan ingin mendapatkan penjelasan berkaitan agenda 1 dalam minit mesyuarat agung yang lepas seperti tercatat dimuka surat 18 berkaitan kes pertikaian Govindarajoo G.Arumugam vs Koperasi MCIS Berhad dan keputusan Award Tribunal.

2.22 Pengerusi memaklumkan bahawa perkara tersebut akan dibincang dalam agendanya atau dibincang semasa agenda 5 sebelum pemilihan Anggota Lembaga, bagi membolehkan En. Govindarajoo G.Arumgam bertanding sebagai calon Anggota Lembaga jika layak.

2.23 Minit Mesyuarat tersebut diterima dan disahkan dengan sebulat suara.
Cadangan : En. Kesavan a/l Saundarajoo Naidu, Perwakilan Individu
Sokongan : En. Ismail Ishak, Proksi Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)

AGENDA 3

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 SERTA SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI MCIS BERHAD

3.1 Pengerusi membentangkan laporan akaun teraudit koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, rujuk muka surat 65 hingga muka surat 93.

3.2 Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad membangkitkan supaya akaun dihantar kepada Koperasi-koperasi lebih awal. Beliau memaklumkan bahawa buku laporan hanya diterima pada pagi ini.

3.3 En. Mas'ud Husain Setiausaha Koperasi memaklumkan bahawa Notis, Minit Mesyuarat dan Akaun Teraudit bagi tahun kewangan 31/12/2022 telah dihantar kepada semua Koperasi Anggota dan Anggota Individu melalui email pada 13/09/2023. Beliau juga telah difahamkan oleh pihak Pengurusan bahawa semua Koperasi telah dihubungi semula bagi mendapatkan pengesahan penghantaran dan penerimaan notis, minit mesyuarat, akaun teraudit dan lain-lain dokumen telah diterima.

3.4 Tn Hj. Mohamed Shafie Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada barisan Lembaga kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung pada hari ini.

3.5 Seterusnya beliau memohon beberapa penjelasan seperti berikut :-

i. Akaun Untung Rugi disatukan di muka surat 66 – terdapat penurunan keuntungan yang ketara tahun 2021 RM12,830,610 dan tahun 2022 RM5,974,408

ii. Nota 45 – Pelbagai Perbelanjaan di muka surat 92 – perbelanjaan tahun 2022 RM3,612,647 dan tahun 2021 RM2,947,488 perbelanjaan meningkat pada tahun 2022 dibandingkan pada tahun 2021 sedangkan keuntungan Koperasi pada tahun 2022 telah menurun.

iii. Dalam Nota 45 dicatatkan sebagai Pelbagai Perbelanjaan dan dalam butiran tersebut terdapat juga Pelbagai Perbelanjaan yang dicatat sebanyak RM52,800.00 sepatutnya pelbagai perbelanjaaan tersebut tidak disebut semula dalam butiran. Apa yang perlu dinyatakan adalah butir-butir pebelanjaan sebenar dan beliau bertanya apakah sebenar perbelanjaan itu? Mohon penjelasan.

iv. Selain itu, beliau turut membangkitkan bahawa cadangan dividen sebanyak 6% diterima walaupun tahun lepas dividen dibayar sebanyak 10% ini berdasarkan kepada realiti semasa atau realiti yang berlaku, tetapi dalam hal permohonan honorarium Lembaga tetap mengekalkan cadangan honorarium sebanyak RM250,000.00, bagi menunjukkan kebersamaan tanggungjawab dicadangkan Lembaga menurunkan cadangan honorarium, walaupun keputusan akhir adalah mesyuarat agung dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

En. Venkatasal Rao Nookaiah, Bendahari Koperasi dan En. K.Manimaran Krishnan (Penolong Pengurus Besar) memberi penjelasan atas pertanyaan Tn Hj Mohamed Shafie Abd Karim, seperti berikut :-

i. En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar memaklumkan bahawa pada tahun 2022 pendapatan pelaburan dalam MCIS Insurance Berhad telah menurun sehingga 50%, manakala pelaburan dalam Pacific Insurance Berhad tiada pendapatan diterima dibandingkan pada tahun 2021 Koperasi menerima dividen daripada Pacific sebanyak RM3.7 juta.
ii. Perbelanjaan meningkat pada tahun 2022 adalah disebabkan oleh penyelenggaraan bangunan. Wisma Koperasi adalah bangunan lama yang telah dibangunkan sejak lebih 50 tahun dan kerja-kerja penyelenggaraan telah dibuat seperti berikut :-
   a. menjalankan kerja baikpulih kalis air dibumbung (waterproofing)
   b. penggantian dan baik pulih saliran paip di keseluruhan bangunan
   c. penyelenggaraan loji rawatan kumbahan dan
   d. pembaikkan tangki simpanan air.
iii. Untuk makluman, butiran lengkap pelbagai perbelanjaan telah diberi kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Pelbagai perbelanjaan tersebut adalah belanja pejabat seperti belanja mesyuarat, pakaian seragam (uniform), belanja "brainstorming" Anggota Lembaga & kakitangan, belanja sambutan perayaan Hari Raya & Deepavali, anugerah tokoh 2022 dan lain-lain belanja.
iv. En. Venkatasal Rao Nookaiah ambil maklum dan akur teguran anggota di atas perkara-perkara yang dibangkitkan dan akan membuat penambahbaikan pada masa hadapan. Beliau juga akan merujuk kepada Lembaga berkaitan permohonan honorarium bagi tahun 2022.

3.6. Dividen

En. Mohamad Shafie Abd Karim, Proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerjaan Hilir Perak Berhad (KOSPEK) menerima cadangan dividen dibayar pada kadar 6% atas baki modal syer dan syer bonus; dan 1.5% atas modal yuran;

3.7. Pembayaran Honorarium

Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad memaklumkan tahun 2021 keuntungan Koperasi RM12 juta dan tahun 2022 keuntungan Koperasi telah menurun kepada RM5 juta, beliau menarik perhatian berhubung cadangan honorarium Lembaga kekal kepada RM250,000.00 walaupun keuntungan telah menurun oleh itu beliau memohon honorarium dikurangkan.

En. Mas'ud Husain, Setiusaha Koperasi memaklumkan bahawa kelulusan bayaran honorarium adalah tertakluk kepada formula yang dikira oleh SKM. Lembaga meletakkan sebagai cadangan sahaja.

En. Vijayasuriar Kanapathi Pillai, proksi Koperasi Guru-Guru Kerajaan Berhad memaklumkan kelulusan honorarium adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Agung

Perwakilan Tahunan bukannya diputuskan oleh Lembaga. Perwakilan perlu mencadangkan jumlah honorarium dan mesyuarat akan memutuskan atau memberi kelulusan.

Pengerusi ambil maklum semua pandangan anggota perwakilan sekiranya perlu mengikut formula Lembaga akur atau tetapkan jumlah honorarium seperti saranan En. Vijayasuriar Kanapathi Pillai, proksi Koperasi Guru-Guru Kerajaan Berhad.

Puan Hajah Marshitah Othman, proksi Koperasi Pegawai kerajaan Negeri Melaka Berhad memaklumkan bahawa permohonan honorarium adalah berpandukan kepada 10% daripada keuntungan bersih, berdasarkan itu boleh tidak Koperasi memberi maklumat keuntungan bersih dan perwakilan akan membuat keputusan.

Tuan Hj Mohamed Shafie Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad bersetuju diatas cadangan honorarium supaya diterima dengan syarat jumlah honorarium dikurangkan dan dikaji semula tertakluk kelulusan SKM.

3.8. Mesyuarat mengambil maklum atas penjelasan yang diberi dan seterusnya menerima dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31/12/2022 serta subsidiari-subsidiarinya

Cadangan : Tn Hj. Mohamed Shafie Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad

Sokongan : En. Chellandy C.Letchumanan, Proksi Koperasi Runcas Malaysia Berhad

AGENDA 4

MENIMBANG LAPORAN BERKANUN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN LAPORAN JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

4.1 En. Balraj Kuppu, perwakilan Individu dalam laporan Jawatankuasa Audit Dalaman di muka surat 58, keanggotaan tidak menyatakan jumlah sebenar modal saham sebaliknya hanya memaklumkan Koperasi Anggota 117 buah dan Anggota Individu 6079 orang. Oleh itu, untuk masa hadapan Koperasi dikehendaki menyediakan jumlah saham Koperasi Anggota dan Anggota Individu bagi memudahkan perwakilan mendapat maklumat sebenar jumlah saham keseluruhan anggota.

4.2 Pengerusi memaklumkan perkara tersebut akan diambil perhatian dan membuat penambahbaikan pada tahun hadapan.

4.3 Tn Hj. Mohamed Shafie Abd Karim, proksi Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan (KOSPEK) Hilir Perak Berhad menarik perhatian keatas laporan Jawatankuasa Audit Dalaman yang tidak menyemak secara lengkap (butiran terperinci). Beliau menyarankan Koperasi perlu mendapatkan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dapat menyemak dan memberi laporan yang lengkap dengan komen-komen yang membangun.

4.4 En. Kanakaraj Subramaniam, perwakilan individu selaku Jawatankuasa Audit Dalaman memberitahu bahawa kerja pengauditan telah dilaksanakan mengikut skop tugas dan aturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

4.5 Kol. TS Hamidi Achin, proksi Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad selaku Jawatankuasa Audit Dalaman menegaskan bahawa pengauditan adalah meliputi semakan pengeluaran kewangan mengikut rekod-rekod akaun dan semua buku-buku atau daftar-daftar diselenggara dengan baik dan tiada perbelanjaan di luar jangkaan yang menyebabkan Koperasi mengalami kerugian.

Beliau juga memaklumkan bahawa perenggan ketiga dalam Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman telah merangkumkan bahawa kerja-kerja pengauditan adalah meliputi sistem soal selidik, audit kewangan, audit operasi dan audit penyiasatan, selaras dengan Undang-undang Kecil Koperasi, Peraturan Koperasi dan Akta 1993.

4.6. Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad memohon tempat duduk Jawatankuasa Audit Dalaman dalam mesyuarat agung pada tahun hadapan dipentas yang sama bersama Lembaga Koperasi MCIS Berhad. Pengerusi mengambil maklum di atas perkara yang dibangkitkan.

4.7. Mesyuarat menerima dan meluluskan dengan sebulat suara semua laporan yang dibentangkan di atas.

Cadangan : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad

Sokongan : En. Kesavan a/l Saundarajoo Naidu, Perwakila Individu

AGENDA5

MEMILIH DUA (2) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN KOPERASI DAN SATU (1) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN INDIVIDU YANG TELAH TAMAT TEMPOH MENGIKUT GILIRAN DI BAWAH UUK 39 FASA (1)(2);

Pengerusi memaklumkan sebelum menjalankan pemilihan Anggota Lembaga, beliau memohon agenda 9(iii) dibincang dan diputuskan dahulu seperti yang telah dibawa oleh En. Manickam Ramasamy, proksi Koperasi Perumahan Ipoh Bahru Berhad berkaitan surat aduan yang dihantar kepada Koperasi dan perkara ini berkaitan dengan keputusan Award Tribunal diatas kes pertikaian antara Govindarajoo G.Arumugam vs Koperasi MCIS Berhad.

Pengerusi meminta En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar membacakan kronologi kes pertikaian tersebut. Walau bagaimanapun Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kronologi tidak perlu dibacakan kerana perkara tersebut telah dibincang dalam mesyuarat agung tahun lepas. Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara kronologi tidak perlu dibacakan.

Pengerusi seterusnya menerangkan bahawa agenda 9(iii) adalah aduan yang diterima berkaitan keputusan Arward Tribunal daripada En. Govindarajoo G.Arumugam vs Koperasi MCIS Berhad bagi mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 60 memutuskan samada keputusan Award Tribunal setuju di bawa ke Mahkamah Tinggi atau setuju patuh keputusan Award Tribunal Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pengerusi memaklumkan sepanjang kes tribunal ini dijalankan Koperasi telah tidak melantik Peguam, kes tribunal ini dikendalikan sendiri oleh Koperasi tanpa melibatkan bayaran kepada Peguam, tetapi dalam keputusan Award Tribunal, Koperasi dikehendaki membayar sebanyak RM138,000.00 kepada En. Govindarajoo G.Arumugam. Pengerusi memaklumkan duit tersebut adalah duit anggota dan kita perlu semua ruang yang ada untuk menjaga dana Koperasi.

Selain itu, Pengerusi memaklumkan bahawa keputusan tribunal perlu dibawa ke mesyuarat agung seperti yang diputuskan dalam mesyuarat agung yang lepas. Sebelum tindakan selanjutnya, Pengerusi telah menjemput Peguam Koperasi dari Firma Kasthuri Basir Shah & Patners hadir untuk memberi pandangan berkaitan perkara ini.

Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad berpendapat tidak perlu pandangan peguam kerana Award Tribunal telah memberi kemenangan kepada En. Govindarajoo G.Arumugam, Lembaga sepatutnya perlu lantik En. Govindarajoo G.Arumugam bagi mengisi kekosongan yang dikosongkan oleh Mendiang Dato' Balaram Petha Naidu dan bincang semula bayaran tersebut maka tiada isu akan berbangkit.

Kol. TS Hamidi Achin, proksi Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad memaklumkan supaya Peguam membacakan keputusan Award Tribunal dan memberi pandangannya samada kes ini boleh di bawa Mahkamah Tinggi dan berapa kos yang dikenakan. Pendapat Kol. TS Hamidi Achin, sekiranya Koperasi membuat bayaran kepada En. Govindarajoo G.Arumugam seolahnya Koperasi mengakui kesilapan. Oleh itu tindakan ke Mahkamah Tinggi boleh diteruskan jika pandangan Peguam terhadap peluang Koperasi adalah baik.

En. Manickam M.Ramasamy, Proksi Koperasi Perumahan Ipoh Bahru Berhad, memaklumkan Peguam tidak perlu ketika ini untuk membacakan Award Tribunal. Walau bagaimanapun mesyuarat memutuskan Peguam membacakan Award Tribunal dan memberi penjelasan berkaitan isu ini seperti yang dicadangkan oleh Kol. TS Hamidi Achin, proksi Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.

Pengerusi memaklumkan bukan kerana kesilapan yang telah berlaku tetapi peluang untuk menjimatkan duit Koperasi adalah lebih penting.

Seterusnya Pengerusi menjemput, Pn Kasturi Krishnan, Peguam Koperasi membacakan dan menerangkan Award Tribunal seperti berikut :-

(i) Satu perintah bahawa penggantungan Pemohon sebagai Anggota Lembaga Responden pada 17/12/2021 adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan

Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 dan harus dibatalkan serta merta;

(ii) Satu Perintah bahawa tindakan Responden dalam menolak Borang Pencalonan sebagai Perwakilan Individu-Perak adalah tidak sah, tidak teratur, terbatal dan adalah bertentangan dengan Undang-Undang Kecil Responden dan Akta Koperasi 1993 dan harus dibatalkan dengan serta merta;

(iii) satu Perintah bahawa Pemohon dengan ini masih dikekalkan jawatan sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden berdasarkan kepada peruntukan peraturan 21 Peraturan-peraturan Koperasi 2010 yang memberi kesan bahawa Pemohon adalah tidak pernah digantung dan / atau ditamatkan sebagai Anggota Lembaga Koperasi Responden sejak 17/12/2021;

(iv) satu Perintah bahawa Pemohon sebagai Anggota Lembaga Koperasi yang sah sehingga sekrang adalah dibenarkan untuk dipilih dalam pemilihan semula Anggota Lembaga Koperasi Responden di dalam Mesyuatrat Agung Perwakilan tahunan berikutnya yang akan diadakan pada tahun 2023 ini;

(v) Satu Perintah memerintahkan Responden membayar gantirugi Am/Gantirugi Teladan/Gantirugi Teruk sebanyak RM20,000.00;

(vi) Satu Perintah memerintahkan Responden membayar Gantirugi Khas seperti berikut :

a. Elaun Bulanan RM4,200 x 16 bulan (Disember 2021 – Mac 2023) – RM67,200
b. Honorarium Tahunan (2022 & 2023) – RM30,000
c. Pebelanjaam perjalanan dan penginapan (RM300x20kali) – RM6,000 dan

(vii) Satu Perintah memerintah Responden membayar kos guaman sebanyak RM15,000

Peguam menerangkan bagi perkara (v) dan (vi), Koperasi perlu membayar elaun bulanan jika seseorang digantung sehinggalah pemecatan berlaku elaun akan terhenti bayaranya.

- Gantirugi Am/Gantirugi Teladan/Gantirugi Teruk – RM20,000.00
- Honorarium - RM30,000.00

Bagi gantirugi am dan honorarium tuntutan tersebut boleh dicabar di Mahkamah Tinggi, selain itu kos guaman sebanyak RM15,000.00 telah difailkan dalam rayuan ke Mahkamah Tinggi. Peguam turut menerangkan semasa kes tribunal didengar, beliau difahamkan tiada wakil Peguam dilantik dan Koperasi memilih untuk mengendalikan sendiri disebabkan itu ada perkara yang tidak dapat dibuktikan secara jelas serta tiada hujahan balas disediakan dan ini telah memberi ruang kepada En. Govindarajoo G.Arumugam.

Peguam memaklumkan keputusan Award Tribunal telah difailkan dan merayu keputusan tersebut di Mahkamah Tinggi. Peguam juga telah meminta 'stay of execution' sehingga kes rayuan didengar walaupun Mahkamah Tinggi membuat keputusan mengikut keputusan Tribunal, ini tidak bermakna Koperasi telah kalah, sebaliknya hanya sebagai penangguhan pelaksana (stay of execution) sehingga kes rayuan didengar. Pendengaran untuk rayuan masih belum ditetapkan. Koperasi dikehendaki mendepositkan RM138,200.00 kedalam akaun peguam En. Govindarajoo G.Arumugam, sekiranya salah seorang menang deposit tersebut akan dibayar berserta faedah.

En. Manickam Ramasamy, Proksi Koperasi Perumahan Ipoh Bahru Berhad ingin mendapatkan kos yang akan dibayar jika perkara ini dipanjangkan ke Mahkamah Tinggi.

Peguam memaklumkan jika Koperasi menang dalam kes rayuan ini Koperasi dapat menyelamatkan RM138,200.00 dan hanya perlu membayar kos guaman. Jika kebarangkalian En. Govindarajoo G.Arumugam memenangi kes ini maka bayaran yang akan dibayar hanyalah elaun bulanan. Gantirugi Am, honorarium, bayaran peguam boleh dikeluarkan/ditolak berdasarkan duit tersebut adalah duit anggota/Koperasi.

En. Vadivelu a/l Perumal, Proksi Koperasi Keretapi Berhad mencadangkan Koperasi MCIS Berhad mecabar keputusan Award Tribunal dan sekiranya ada yang tidak bersetuju atas cadangan tersebut beliau memohon pengundian dilaksanakan. En. Kamalantahan a/l R.Ramanathan perwakilan individu menyokong cadangan pengundian.

En. Mariappan a/l Semalai, Proksi Kesatuan Koperasi Midlands Berhad memaklumkan bahawa keputusan Tribunal bukan sesuatu yang 'final' dan masih boleh dibuat rayuan, pengalaman lalu ada kes di tribunal Koperasi kalah dan apabila rayuan dibuat di Mahkamah Tinggi Koperasi mereka memenangi kes tersebut. Jika dibawa ke Mahkamah Tinggi kos tuntutan dapat dikurangkan maka lebih baik rayuan dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Dr Letchumanan a/l Amaippen, Perwakilan Individu memaklumkan semasa En. Govindarajoo G.Arumugam digantung tempohnya telah tamat bagaimana Koperasi hendak membayar honorarium, elaun perjalanan sedangkan beliau bukan lagi Anggota Lembaga. Beliau setuju dengan pandangan Peguam sekiranya rayuan ke Mahkamah Tinggi dilaksanakan bayaran tuntutan akan dapat dikurangkan.

En. Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillai, Proksi Koperasi Guru-Guru Kerajaan Berhad memaklumkan bahawa keputusan Tribunal bukanlah keputusan akhir dan masih boleh dicabar di Mahkamah Tinggi seperti tertakluk dalam Akta Koperasi 1993. Pandangan Peguam juga menyatakan Koperasi dibenar untuk membuat rayuan.

Pengerusi menjalankan proses pengundian bahawa Koperasi MCIS Berhad akan membawa keputusan Award Tribunal ke Mahkamah Tinggi dan keputusan adalah seperti berikut :-

Setuju keputusan Award Tribunal dibawa Ke Mahkamah Tinggi seramai 68 orang
Tidak setuju keputusan Award Tribunal dibawa Ke Mahkamah Tinggi seramai 5 orang

5.1 **MEMILIH DUA (2) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN KOPERASI DAN SATU (1) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN INDIVIDU**

Anggota Lembaga yang tamat tempoh adalah seperti berikut :-

i. En. Venkatasal Rao Nookaiah (Perwakilan Koperasi)
ii. Pn. Kandhumathi Perumal (Perwakilan Koperasi)
iii. Mendiang Dato' Balaram Petha Naidu (Perwakilan Individu –meninggal dunia pada 13/11/2022)

5.1.1 Untuk pemilihan Anggota Lembaga dari kalangan Koperasi Anggota dimaklumkan bahawa Koperasi telah menerima lima (5) pencalonan bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. Calon-calon adalah seperti berikut :-

i. En. Venkatasal Rao Nookaiah (Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad)
ii. Pn Kandhimathi Perumal (Koperasi Warisan Pulau Carey Berhad)
iii. Dr Jeyabalan A.Nagarajah (Koperasi Doktor Malaysia Berhad)
iv. En. Thankarajoo Subramaniam (Koperasi Kredit Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad)
v. En. Ganesan Rajamanickam (Koperasi Maju Jaya Berhad) – pencalonan ditolak tidak mendapat penentusahan SKM

5.1.2 Untuk pemilihan Anggota Lembaga dari kalangan Individu, Koperasi telah menerima lima (5) pencalonan, senarai calon adalah seperti berikut :-

i. En. Palanisamy Nachimuthu
ii. En. Lachumanan Govindan
iii. Dato' Dr Sellaiah Sithambaram Pillay
iv. Dr Letchumanan Amaippen
v. En. Govindarajoo G.Arumugam (pencalonan beliau tertakluk kepada keputusan mesyuarat agung hari ini)

5.1.3 Mesyuarat telah membincangkan kes Award Tribunal En. Govindarajoo G.Arumugam dan telah membuat keputusan bahawa mesyuarat agung dengan keputusan majoriti bersetuju membawa rayuan keatas Award Tribunal ke Mahkamah Tinggi, maka dengan ini En. Govindarjoo G.Arumugam tidak layak untuk bertanding sebagai calon Anggota Lembaga kategori individu dalam mesyuarat agung hari ini.

5.1.4 Mesyuarat mengumumkan En. Lachumanan Govindan (Perwakilan Individu) telah menghantar surat menarik diri daripada bertanding bagi pencalonan Lembaga kategori Individu

5.1.5 Mesyuarat turut mengumumkan Dato' Dr Sellaiah Sithambaram Pillay (Perwakilan Individu) telah menghantar surat memaklumkan beliau tidak dapat hadir walau bagaimanapun mesyuarat memutuskan beliau dibenarkan bertanding bagi pencalonan Lembaga kategori Individu

5.1.6 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa kesemua calon bertanding telah mendapat kelulusan penentusahan 'layak dan sesuai' untuk bertanding daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

5.2 Pelantikan Pengira Undi & Pemerhati

5.2.1 Dimaklumkan bahawa mesyuarat melantik seorang Ketua dan sembilan (9) orang Pengira Undi dan Pemerhati.

5.2.2 Mesyuarat telah dengan sebulat suara bersetuju melantik pengira undi dan pemerhati adalah seperti berikut :-

i. En. Kamalanathan R.Ramanathan, (Ketua Pengira Undi)
ii. En. Krishnan Appanu
iii. En. Muniandy Golandan
iv. En. Kumar Ragavan
v. En. Kanakaraj Subramaniam
vi. Tn. Hj Mohamed Shafie Abd Karim
vii. Dato' Dr Kirthi Jeyarajah S.Kathirgamarajah
viii. Kesavan Saundarajoo Naidu
ix. En. Kamalajeyan a/l Jeyaseelan
x. En.Chellandy C.Letchumanan

5.2.3 Mesyuarat mengumumkan bahawa kertas undi boleh diperolehi daripada Pegawai bertugas yang menjalankan Proses Pengundian mengikut tatacara yang ditetapkan sesuai iaitu semua proksi Koperasi dan perwakilan individu akan menjalankan pengundian ditempat yang telah ditetapkan. Untuk makluman pengundian berjalan lancar dan selesai dengan jaya.

5.2.4 Kotak Undi dibawa ke bilik Pengiraan Undi oleh En. Kamalanathan R.Ramanathan, Ketua Pengira Undi, sembilan (9) orang pengira undi serta pemerhati dan dua (2) orang kakitangan Koperasi.

Nota : Keputusan pengiraan undi adalah seperti berikut :-.

5.3 KEPUTUSAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KATEGORI PERWAKILAN KOPERASI ANGGOTA.

5.3.1 Berikut adalah keputusan pemilihan Anggota Lembaga bagi kategori Perwakilan Koperasi Anggota :-

i. **En. Venkatasal Rao Nookaiah (Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad) – 2677 undi**
ii. Pn Kandhimathi Perumal (Koperasi warisan Pulau Carey Berhad) – 2222 undi
iii. Dr Jeyabalan A.Nagarajah (Koperasi Doktor Malaysia Berhad) – 2136 undi
iv. **En. Thankarajoo Subramaniam (Koperasi Kredit Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad) – 2631 undi**

5.3.2 Dengan keputusan ini, Proksi Koperasi yang berjaya dipilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad untuk tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:-

i. **En. Venkatasal Rao Nookaiah (Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad) – 2677 undi**
ii. **En. Thankarajoo Subramaniam (Koperasi Kredit Pekerja-Pekerja Malaysia Berhad) – 2631 undi**

5.3.3 Berikut adalah keputusan pemilihan Anggota Lembaga bagi kategori Perwakilan Individu :-

i En. Palanisamy Nachimuthu – 1899 undi
ii Dato' Dr Sellaiah Sithambaram Pillay – 101 undi
iii **Dr Letchumanan Amaippen – 2519 undi**

5.3.5. Perwakilan Individu yang berjaya dipilih sebagai Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad untuk tempoh tiga (3) tahun adalah seperti berikut:-

i **Dr Letchumanan Amaippen – 2519 undi**

5.3.6. Mesyuarat mengucapkan tahniah kepada yang telah berjaya

AGENDA 6
MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI KEPADA TIDAK LEBIH DARIPADA RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS JUTA SAHAJA (RM200,000,000.00) BAGI TAHUN 2023 DAN 2024 DAN MENETAPKAN HAD KETERHUTANGAN PINJAMAN LUAR KEPADA TIDAK LEBIH DARIPADA RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS JUTA SAHAJA (RM200,000,000.00)

6.1. Pengerusi membentangkan perkara di atas untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat, skop dan had pelaburan adalah sebagai persediaan bagi membuat pelaburan dalam mempelbagaikan perniagaan dan had keterhutangan Koperasi adalah mengikut keperluan semasa dan sebagai persediaan dalam mempelbagaikan perniagaan atau sebagainya.

6.2. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan skop dan had pelaburan seperti tersebut di atas.

Cadangan : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad
Sokongan : En. Kanakaraj Subramaniam, Perwakilan Individu

AGENDA 7
MELULUSKAN PERLANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) DAN TIDAK LEBIH DARIPADA EMPAT (4) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

7.1. Pengerusi membentangkan perkara diatas, bagi memilih mana-mana firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 cadangan diserahkan kepada Lembaga untuk tindakan.

7.2. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Lembaga untuk memilih firma audit.
Cadangan : En. Kanakaraj Subramaniam, Perwakilan Individu
Sokongan : En. Kamalanathan R.Ramanathan, Perwakilan Individu

AGENDA 8
MENIMBANG DAN MELULUSKAN KAJIAN SEMULA BELANJAWAN BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2023 DAN MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGARAN BELANJAWAN TEMPOH 1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024

8.1. Pengerusi membentangkan belanjawan bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dan 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 seperti yang tercatat di muka surat 94 dalam buku laporan tahunan 2022.

8.2. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh yang ditetapkan diatas.
Cadangan : En. Lachumanan Govindan , Perwakilan Individu
Sokongan : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, Proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad

AGENDA 9
MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN CADANGAN, USUL ATAU ADUAN YANG DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA YANG BAGINYA SATU NOTIS TIDAK KURANG TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60.

i. **Cadangan Penjualan Ekuiti 15% dalam Pacific Insurance Berhad kepada Fairfax Asia Limited**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Lembaga telah bersetuju mencadangkan usul cadangan penjualan ekuiti 15% (RM51,438,389.00) dalam Pacific Insurance Berhad kepada Fairfax Asia Limited dengan tawaran harga sebanyak RM46,000,000.00 (Ringit Malaysia Empat Puluh Enam juta).

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan penjualan saham syarikat Pacific Insurance Berhad kepada Fairfax Asia Limited dengan tawaran harga RM46 juta.

Resolusi Penjualan Saham 15% Milik Koperasi MCIS Berhad dalam Syarikat Perniagaan Insuran Am (Pacific Insurance Berhad) Kepada Fairfax Asia Limited.

BAHAWASANYA KOPERASI MCIS BERHAD DENGAN INI :-

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat penjualan saham dalam perniagaan Insuran Am di Pacific Insurance Berhad sebanyak 15% mengikut harga tawaran sebanyak RM46,000,000.00 sekiranya dividen tidak dibayar kepada Koperasi.

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat penjualan kepada Fairfax Asia Limited.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan semua perkara berkaitan dokumentasi perjanjian dalam perniagaan insuran am dihantar untuk kelulusan Bank Negara.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara-perkara dalam apa-apa cara yang mereka rasakan perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas dan untuk menandatangani semua dokumentasi yang berkaitan untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat untuk menterai Koperasi di letakkan mengikut tataurusan Koperasi, atas semua dokumentasi yang berkaitan dengan transaksi tersebut di atas.

MAKA DENGAN INI BERSETUJU Koperasi MCIS Berhad atas semua perkara-perkara yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 60 Koperasi ini pada 30 September 2023, hari Sabtu, tempat Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya, No. 12, Lorong Utara A Off Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan dengan kelulusan Bank Negara.

Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara Koperasi MCIS Berhad melaksanakan penjualan saham 15% dalam Pacific Insurance Berhad.

Cadangan : Dr Letchumanan Amaippen, Perwakilan Individu
Sokongan : En. Vijayasuriar Kanapathi Pillai, Proksi Koperasi Guru-Guru Kerajaan Malaysia Berhad

ii. **Cadangan Penjualan Saham Perniagaan Insuran Hayat dalam MCIS Insurance Berhad pada atau tidak melebihi 10% kepada pembeli berpotensi**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Lembaga Koperasi MCIS Berhad telah bersetuju mencadangkan usul cadangan penjualan saham Syarikat Perniagaan Insuran Hayat iaitu MCIS Insurance Berhad tidak melebihi 10% kepada Pembeli Berpotensi (Berjaya Group).

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan tawaran penjualan saham tidak melebihi 10% syarikat MCIS Insurance Berhad kepada Pembeli Berpotensi (Berjaya Group)

Resolusi Penjualan Saham Syarikat Perniagaan Insuran Hayat Dalam MCIS Insurance Berhad (MCIS LIFE)

BAHAWASANYA KOPERASI MCIS BERHAD DENGAN INI :-

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat penjualan saham dalam perniagaan Insuran Hayat di MCIS Insurance Berhad sebanyak tidak melebihi 10% mengikut harga pasaran sekiranya bakal pembeli menawarkan jualannya kepada Koperasi

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat penjualan kepada bakal pembeli.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan semua perkara berkaitan dokumentasi perjanjian dalam perniagaan insuran hayat dihantar untuk kelulusan Bank Negara.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara-perkara dalam apa-apa cara yang mereka rasakan perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas dan untuk menandatangani semua dokumentasi yang berkaitan untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat untuk menterai Koperasi di letakkan mengikut tataurusan Koperasi, atas semua dokumentasi yang berkaitan dengan transaksi tersebut di atas.

MAKA DENGAN INI BERSETUJU Koperasi MCIS Berhad atas semua perkara-perkara yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 60 Koperasi ini pada 30 September 2023, hari Sabtu, tempat Crown Hall, Level 1, Hotel Crystal Crown Petaling Jaya, No. 12, Lorong Utara A Off Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan dengan kelulusan Bank Negara.

Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara Koperasi MCIS Berhad melaksanakan penjualan saham tidak melebihi 10% dalam MCIS Insurance Berhad.

Cadangan : En. Kanakaraj Subramaniam, Perwakilan Individu
Sokongan : En. Kesavan Saundarajoo Naidu, Perwakilan Individu

iii. **Aduan berkaitan Award Tribunal (Govindarajoo G.Arumugam vs Koperasi MCIS Berhad) untuk keputusan mesyuarat agung samada setuju Award Tribunal di bawa ke Mahkamah Tinggi atau setuju patuh keputusan Award Tribunal Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang dikeluarkan pada 28/3/2023**

Jawapan - Aduan berkaitan Award Tribunal En. Govindarajoo G.Arumugam vs Koperasi MCIS Berhad telah dibincang secara terperinci dalam agenda 5 sebentar tadi. Mesyuarat Agung hari ini telah membuat keputusan dengan majoriti setuju keputusan Award Tribunal di bawa ke Mahkamah Tinggi.

iv. **Lain-lain cadangan, usul atau aduan;**

a. **Usul Lembaga – mematuhi arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (No. Ruj. SKM.WP:5/342.JLD.6(43) bertarikh 28/8/2023 untuk kaedah penyelesaian.**

Cadangan pindaan Undang-undang Kecil 39 (7)

Undang-Undang Kecil Asal	Undang-Undang Kecil Pindaan
Tempoh memegang Jawatan Anggota Lembaga	**Tempoh memegang Jawatan Anggota Lembaga**
39(1) Satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut	39.(1) - kekal 39.(2)- kekal

undang-undang kecil 37 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap tahun mesyuarat agung perwakilan tahunan.	39.(3) –kekal 39.(4) – kekal 39.(4) – pinda ke 39(5) –kekal 39.(5) – pinda ke 39.(6)- kekal **39.(7) Mana-mana Lembaga yang mengosong kan jawatannya sebelum tamat tempoh penggilirannya pada fasal (1), Lembaga hendaklah melantik dengan memilih mana-mana perwakilan yang berkelayakan tertakluk UUK 37 dan hendaklah mengikut kaedah pelantikan sepertimana fasal (5) sehingga penggiliran tersebut tamat mengikut (fasal (1) dan (2)**

Mesyuarat telah bersetuju dengan sebulat suara, Lembaga Koperasi MCIS Berhad membentuk satu Jawatankuasa Kecil bagi melaksanakan, menyemak, mengkaji Undang-Undang Kecil Koperasi dalam masa terdekat. Semua usul berkaitan pindaan Undang-undang Kecil akan disemak oleh Lembaga dan dibawa ke mesyuarat kawasan dan seterusnya ke mesyuarat agung Koperasi.

b. Usul Daripada Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad

Perkara ini telah dibacakan, walau bagaimanapun usul tersebut perlu penelitian dan kajian, seperti telah dimaklumkan bahawa satu jawatankuasa kecil Undang-Undang Kecil akan dilantik maka usul yang dibentang tersebut hanya sebagai pemakluman sahaja.

c. Aduan Koperasi Visakha Kulim Kedah Berhad.

Perkara ini telah dibincang dengan terperinci dalam agenda 2, diatas.

d. Aduan En. Manickam Ramasamy, Proksi Koperasi Perumahan Bahru Ipoh Berhad

Mesyuarat memaklumkan bahawa aduan En. Manickam Ramasamy, Proksi Koperasi Perumahan Bahru Ipoh Berhad telah dibincangkan dalam agenda 5, di atas.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Dengan berakhirnya agenda diatas, Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 2.30 petang. Bagi pihak Lembaga, Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan individu dan Koperasi Anggota (proksi) yang hadir dan semua kakitangan yang terlibat bagi menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 60 Koperasi MCIS Berhad.

Disediakan oleh:

Rosmah Asnawi
Pencatat Minit

Disemak oleh ;

Dr Letchumanan Amaippen
Setiausaha

MINIT INI TELAH DISEMAK DAN DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA PENENTUSAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60 KOPERASI MCIS BERHAD

Tarikh/Hari : 10hb Oktober 2023/Selasa
Jam : 10.00 Pagi
Tempat : Bilik Dato' N.A Kularajah, Tingkat Mezzanine, Tower 1 Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1.	YB DR GUNARAJAH R GEORGE	PENGERUSI	
2.	EN. BALASUPRAMANIAM RAMANAIDU	TIMBALAN PENGERUSI	
3	Dr LETCHUMANAN AMAIPPEN	SETIAUSAHA	
4	EN. VENKATASAL RAO NOOKAIAH	BENDAHARI	
5	EN. KANAKARAJ SUBRAMANIAM	PERWAKILAN INDIVIDU	
6	EN KAMALANATHAN R.RAMANATHAN	PERWAKILAN INDIVIDU	
7	EN. CHELLANDY C.LETCHUMANAN	PROKSI KOPERASI	
8	EN. VIJAYASURIAR KANAPATHI PILLAI	PROKSI KOPERASI	
9	TN. HJ. M.NASIR RAMLI	PROKSI KOPERASI	
10	EN. KESAVAN SAUNDARAJOO NAIDU	PERWAKILAN INDIVIDU	

UCAPAN PENGERUSI DI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60 KOPERASI MCIS BERHAD

Selamat Pagi, Salam Sejatera dan Salam Koperasi

Yang Berbahagia, Dato'-Dato', Tuan-tuan & Puan-puan serta para perwakilan Koperasi Anggota dan Anggota Individu sekelian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua kerana hadir menjayakan mesyuarat agung pada hari ini. Sebelum meneruskan ucapan izinkan saya memperkenalkan barisan Lembaga Koperasi MCIS Berhad, Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Timbalan Pengerusi), En. Mas'ud Husain (Setiausaha), En. Vinkatasal Rao Nookaiah (Bendahari), En. Papiyah Rajamian (EXCO), anggota Lembaga koperasi terdiri Pn Kandhimathi Perumal, En. Sri Ram Mookiah dan En. Balasupramaniam Ramanaidu.

Dato'-Dato', Tuan-tuan & Puan-puan ingin juga saya perkenalkan Pengurusan Koperasi iaitu En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar, Pn Thilaga Pariasamy, Pengurus Operasi, Pn Rosmah Asnawi, Pengurus Sekretariat dan semua kakitangan Koperasi. Terima kasih atas persediaan untuk menjayakan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 60.

Semalam kita telah berkumpul di majlis yang julung kali diadakan iaitu majlis makan malam sambutan 70 tahun Koperasi MCIS Berhad, disamping beberapa aktiviti lain juga telah diadakan iaitu majlis anugerah anak-anak anggota yang cemerlang dalam pencapaian akedemiknya, majlis meraikan tokoh/pengasas Koperasi iaitu Dato' N.A.Kularajah sempena ulang tahun ke 100 dan akhirnya memberi penghormatan kepada mereka yang telah pergi meninggalkan kita iaitu Mendiang Dato' Balaram Petha Naidu, Allahyarham Che Hani Ismail, Mendiang Rajannan Ravanaiah dan Mendiang Radha Krishnan Nallusamy. Mereka adalah diantara yang telah menyumbang khidmat baktinya semasa hayat. Pihak Koperasi mengambil kesempatan memperingati jasa-jasa yang telah disumbangkan.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Memang tahun 2022 adalah tahun yang mencabar, walaupun kita telah pulih daripada pasca pendemik Covid 19, cabaran-cabaran tetap ada dan akan dirungkaikan dalam ucapan saya. Berdasarkan kepada keuntungan bersih Koperasi selepas pembahagian berkanun

dicatatkan pada tahun kewangan 2022, prestasi Koperasi boleh dianggap pada tahap baik. Lembaga mencadangkan bayaran dividen untuk tahun 2022 sebanyak 6% atas baki modal saham biasa dan saham bonus dengan jumlah bayaran RM4,052,822.58. Terima kasih di atas sokongan yang berterusan daripada Koperasi anggota dan perwakilan individu. Walau bagaimanapun keputusan pembayaran dividen ini adalah tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung perwakilan Koperasi pada hari ini.

Dalam arus pembangunan digital maka untuk permulaanya, Koperasi telah menghantar semua dokumen seperti notis, minit mesyuarat, laporan penyata kewangan dan lain-lain dokumen yang berkaitan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 60 secara maya seperti email dan whatsapp. Penjimatan kos seperti mencetak buku laporan, bayaran penghantaran, penggunaan kertas serta lain-lain telah dapat dikurangkan. Koperasi akan sentiasa mengawal perbelanjaan ketahap minima dan tahun ini hanya mencetak buku sebanyak 600 buah sahaja. Mana-mana pihak yang menghendaki lapuran tahunan kami akan menghantar secara maya atau PDF.

Sedia maklum seperti yang telah dinyatakan tahun lalu, Lembaga sedaya upaya berusaha mengurangkan kos serta bersetuju mengurangkan jumlah Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) kepada dua bulan atau adakala tiga bulan sekali.

Selain itu, sebagai pemimpin dan pelaksana tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh koperasi-koperasi anggota dan anggota individu Koperasi MCIS Berhad saya akan pastikan kepentingan Koperasi dijaga. Amanah ini sangat besar untuk sama-sama dihadapi demi membangunkan, meningkatkan prestasi serta mengekalkan hubungan baik antara Koperasi. Semoga Koperasi MCIS Berhad terus cemerlang setanding dengan perkembangan gerakan koperasi dan membangun bersama Malaysia MADANI. Inilah harapan saya dan barisan Lembaga Koperasi MCIS Berhad.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Selain itu, ingin saya kongsikan bersama perkembangan terkini dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi;

Cabaran pertama adalah pembelian Wisma MCIS Petaling Jaya dengan pelaburan sebanyak RM110 juta;

- Saya juga ingin memaklumkan bahawa nilai pasaran semasa Wisma Koperasi ini telah meningkat kepada RM120 juta dan nilaian dijangka akan terus meningkat kerana pembangunan PJ Sentral dipersekitaran Wisma Koperasi sedang rancak dibangunkan.
- Ruang sewa pejabat yang berpenghuni adalah lebih kurang 85% dan penyewa utama adalah MCIS Insurance Berhad, dijangka ruang pejabat untuk disewakan akan meningkat sehingga penghujung tahun kerana persekitaran Koperasi dikelilingi pejabat-pejabat korporat seperti Wisma MBSB, Wisma Digi Celcom dan PJ Hilton. Persekitaran tersebut dijangka boleh menarik minat penyewa.
- Sebahagian dana yang diperolehi bagi membiayai pembelian Wisma Koperasi ini adalah melalui Skim Simpanan Khas (SSK) dan SSK tersebut telah dapat dikurangkan kepada RM38 juta.
- Selain itu cabaran yang dapat diatasi adalah pendapatan yang diperolehi daripada sewa dapat membayar balik ansuran pinjaman dengan Maybank Berhad.
- Lembaga sentiasa merangka plan strategik bagi mengatasi cabaran seperti mengurangkan tanggungan/libiliti, menghadapi kekangan kewangan yang ketat dan mengawal perbelanjaan kepada tahap minima.
- Lembaga akan terus berusaha untuk menyelesaikan tanggungan Skim Simpanan Khas (SSK) dan bayaran pinjaman di Maybank.
- Lembaga menjangkakan dalam tempoh 12 hingga 24 bulan tanggungan SSK (RM 38juta) dapat diselesaikan

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Pelaburan dalam perniagaan insuran hayat MCIS Life sejak dahulu lagi memberi pulangan yang sangat baik. Walau bagaimanapun bagi tahun 2022 Bank Negara hanya meluluskan bayaran dividen kepada MCIS Life sebanyak RM 9 juta dan pelaburan sebanyak 44% Koperasi hanya memperolehi dividen sebanyak RM 4 juta. Selain itu, ingin saya jelaskan bahawa perjumpaan bersama wakil MCIS Life memaklumkan bahawa permohonan dividen sebanyak RM30 juta tidak diluluskan oleh Bank Negara kerana pelabur terbesar SANLAM

dalam proses untuk menjual pegangan sahamnya kepada Berjaya, sekarang dalam proses akhir dan dijangka akan selesai pada November ini.

Lembaga telah mencadangkan penjualan saham sebanyak tidak melebihi 10% dalam MCIS Life sekiranya Koperasi diberi tawaran oleh pembeli berpontensi. Dalam agenda akan dibincang usul dengan memberi mandat kepada Lembaga melaksanakan jualan saham tidak melebihi pada 10% jika potensi pembeli memberi tawaran jualan kepada Koperasi. Keputusan penjualan adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung pada hari ini.

Cabaran seterusnya adalah pelaburan dalam Pacific Insurance Berhad sebanyak RM51 juta, sejak enam (6) tahun pelaburan dilaksanakan tiada dividen dibayar kecuali pada tahun 2021 dividen dibayar sebanyak RM3.75 juta, itupun setelah perkara ini dibincang bersama Bank Negara bagi membantu Pacific Insurance Berhad mendapatkan pengurangan nisbah modal (capital ratio). Selain itu, Lembaga juga telah melantik syarikat rundingan (consultant) bagi berurusan mendapatkan potensi pembeli untuk menjual pegangan saham dalam Pacific. Syarikat tersebut hanya memperkenalkan satu syarikat daripada Jepun tetapi akhirnya tiada rundingan diteruskan.

Akhirnya, Lembaga berurusan terus dengan Pacific Insurance Berhad dengan menyatakan hasrat untuk menjual atau melepaskan pegangan saham dalam Pacific Insurance Berhad kerana tiada dividen akan diabayar dalam tempoh lima (5) tahun akan datang seperti dimaklumkan dalam beberapa perbincangan diadakan. Dalam hal ini beberapa perbincangan telah diadakan bersama wakil Pacific Insurance Berhad dan hasil perbincangan Fairfax Asia Limited telah menyatakan persetujuan untuk membeli ekuiti 15% milik Koperasi pada harga permulaan sebanyak RM44 juta setelah rundingan diadakan Fairfax Asia Limit bersetuju menawarkan sebanyak RM46 juta kepada Koperasi. Lembaga bercadang membuat pelaburan atau menyimpan sebahagian hasil jualan tersebut bagi mendapatkan 5% pulangan.

Perkara ini akan dibincang dalam usul Lembaga bagi mendapatkan persetujuan dan mandat kepada Lembaga untuk melaksanakan transaksi jual beli syarikat insuran am daripada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 60, hari ini.

Seterusnya pelaburan hartanah seluas lebih kurang 5 ekar di Sg. Choh, Serendah yang dibeli pada tahun 2016, adalah juga cabaran Koperasi. Beberapa perkara telah dibincang dalam mesyuarat Lembaga seperti mendapatkan penyewa atau pembeli yang berminat untuk membangunkan tanah tersebut, tetapi sehingga kini masih belum berjaya. Lembaga memutuskan tanah tersebut tidak dijual sehingga mendapatkan rakan kongsi untuk memajukan atau berminat membangunkan tanah tersebut. Lembaga akan fikirkan penyelesaian yang terbaik demi menjaga kepentingan Koperasi.

Seterusnya berita baik untuk disampaikan, Bangunan Koperasi di Pulau Pinang, bangunan tersebut telah dijual dengan harga sebanyak RM14 juta kepada syarikat CH Meganiaga Sdn Bhd, seperti yang saya umumkan pada mesyuarat agung yang lepas bangunan tersebut disewa oleh suatu syarikat untuk membina butik hotel tetapi akibat penularan Covid 19, syarikat tersebut gagal membangunkan projek tersebut dan akhirnya menyerah semula kepada Koperasi. Untuk makluman pihak Koperasi telah menerima tunai RM 14 juta sebagai bayaran bangunan itu dan terima kasih diucapkan kepada Bendahari Koperasi atas usahanya berurusan menjual bangunan tersebut

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Selain cabaran diatas, Koperasi juga berhadapan dengan masalah penyelenggaraan yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi seperti sedia maklum Wisma Koperasi adalah bangunan lama lebih 50 tahun untuk dijaga. Untuk tahun 2023, perbelanjaan baik pulih kebocoran tower 2 dijangka menelan belanja lebih RM400,000.00 dan sebelum sebarang tindakan diambil Lembaga akan pastikan keperluan penyelenggaran tersebut mengikut spesifikasi dan tawaran tender dilaksanakan dengan telus. Demikian sedikit sebanyak cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Koperasi, secara amnya operasi dan urustadbir koperasi adalah baik.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga yang sentiasa ada memberi sokongan. Saya tidak bertindak secara sendirian sebaliknya semua keputusan adalah keputusan pasukan yang didukung secara bersama. Saya percaya semangat berpasukan yang baik akan menghasilkan keuntungan yang terbaik, sebagai Anggota Lembaga tujuan utama adalah memberi khidmat kepada semua anggota Koperasi.


Dato-Dato, Tuan dan Puan yang dihormati sekelian.

Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perwakilan dan proksi Koperasi yang hadir dari seluruh negeri di Malaysia hari ini dan malam tadi julung kalinya kita sama-sama meraikan majlis makan malam 70 Tahun Koperasi MCIS Berhad dan semua perwakilan diberi penginapan bagi menjayakan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 60 Koperasi MCIS Berhad. Penginapan ini sering disuarakan oleh perwakilan yang datang dari luar sejak dulu lagi dan tahun ini Koperasi telah berjaya merelisasikan tuntutan tersebut. Kos majlis makan malam dan penginapan adalah telah ditaja dan dalam hal ini Koperasi tidak membelanjakan duitnya. Selain itu, Koperasi telah memperkenalkan skim insuran fasa 1 dan fasa 2. Fasa 1 telah diperkenalkan dan proksi Koperasi dan perwakilan individu mendapat manfaatnya. Bagi Fasa 2, semua anggota kopersasi dan Lembaga sesuatu Koperasi adalah layak untuk memohon, pihak pengurusan akan menguruskan perkara ini dan akan dilancarkan dalam masa terdekat.

Akhirnya saya sudahi ucapan dengan serangkap pantun.

Pulau Pandan jauh ketengah, Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah, budi baik semua perwakilan dikenang juga

Sekian, terima kasih.



YB Dr Gunarajah R.George
Pengerusi

Lampiran A1

SENARAI KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 60 Pada Tarikh 30 September 2023

ANGGOTA LEMBAGA

- YB Dr Gunarajah R.George (Pengerusi)
- Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Timbalan Pengerusi)
- En. Mas'ud Husain (Setiausaha)
- En. Venkatasal Rao Nookaiah (Bendahari)
- En. Papiyah Rajamian (Jawatankuasa Kerja (EXCO))
- Pn. Kandhimathi Perumal
- En. Sri Ram Moo Kiah
- En. Balasupramaniam Ramanaidu

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

- En. Balasundaram Kumarasamy
- Kol. TS Hamidi Achin
- Dato' Goh Ah Ling
- En. Kanakaraj Subramaniam

Lampiran A2

SENARAI PERWAKILAN INDIVIDU KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 30 SEPTEMBER 2023

BIL	NAMA WAKIL	PERWAKILAN NEGERI
1	Encik Kesavan a/l Saundarajoo Naidu	Kedah
2	Encik Devatathan a/l Mariyappan	Kedah
3	Encik Ling Thean Ching	Pulau Pinang
4	Dr Rajaveloo a/l S.Murugiah	Pulau Pinang
5	Encik Manickam a/l Alagappan	Pulau Pinang
6	Encik Gopallu a/l Ramasamy	Pulau Pinang
7	Encik Kunasegaran a/l Subramaniam	Perak
8	Encik Krishnan a/l Appanu	Perak
9	Puan Manoormani a/p Santa Singh	Perak
10	Puan Rosnita binti Mohd Salleh	Kelantan
11	Encik Abdul Razak bin Ahmad	Terengganu
12	Encik Kumar a/l Ragavan	Pahang
13	Encik Ramasamy a/l Supperayan	Pahang
14	Encik Lachumanam a/l Govindan	Selangor
15	Encik Palanisamy a/l Nachimuthu	Selangor
16	Encik Gsangaya a/l Sannasi	Selangor
17	Encik Sanni Banu a/l Themudoo	Selangor
18	Dr Letchumanan a/l Amaippen	Selangor
19	Encik Kanakaraj a/l Subramaniam	Kuala Lumpur
20	Encik Sundram a/l M.Subramaniam	Kuala Lumpur
21	Encik Kamalanathan a/l R.Ramanathan	Kuala Lumpur
22	Encik Shamugam a/l Munisamy	Johor
23	Encik Marimutu a/l Munusamy	Johor

SENARAI PERWAKILAN INDIVIDU KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 30 SEPTEMBER 2023

BIL	NAMA WAKIL	PERWAKILAN NEGERI
24	Dr Belinda Marie Balraj a/p K.Balraj	Melaka
25	Encik Balraj a/l Kuppu	Melaka
26	Encik N.Jeyapraks a/l Nadesan	Negeri Sembilan
27	Encik Mahinder S.Manocha a/l Surjit Singh	Negeri Sembilan
28	Yb Dr Gunarajah a/l R.George	Selangor
29	Encik Balasupramaniam a/l Ramanaidu	Selangor

Lampiran A3

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN PROKSI KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 60 KOPERASI MCIS BERHAD PADA 30 SEPTEMBER 2023

BIL	NAMA KOPERASI	NAMA PROKSI
1	KOPERASI NEW SRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD	ENCIK ABDUL RAHIM BIN LLIN
2	KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN BATU PAHAT BERHAD	ENCIK KUSWANDI BIN TAYEN
3	KOPERASI DOKTOR MALAYSIA BERHAD	DR JEYABALAN A/L A NADARAJAH
4	KOPERASI BAHAU NEGERI SEMBILAN BERHAD	ENCIK PAPIYAH A/L RAJAMIAN
5	KOPERASI KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERHAD	ENCIK MD SHAIFUL BAHARI BIN MOHD NOOR
6	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA MELAYU KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERHAD	ENCIK MOHAMAD NOR BIN YUSOFF
7.	KOPERASI GURU-GURU MELAYU MUAR BERHAD	ENCIK ABDUL FADZIL BIN HUSSIN
8.	KOPERASI KOPEMA BERHAD	ENCIK NASRI BIN RAWI
9.	KOPERASI REL NASIONAL BERHAD	ENCIK MOHAMAD RADZAMI BIN ABDUL RAHMAN
10.	KOPERASI KERETAPI BERHAD	ENCIK VADIVELU A/L PERUMAL
11.	KOPERASI KREDIT RAKYAT BERHAD	ENCIK NAGAPPAN A/L PERUMAL
12.	KOPERASI SERBAGUNA KEBANGSAAN BERHAD	ENCIK RAJINTERAN A/L VEMPODY
